

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah mengeluarkan 264 notis ke atas 36 premis sepanjang tahun ini untuk diambil tindakan berhubung isu papan tanda premis.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, antara kesalahan dikenakan tindakan adalah penggunaan papan tanda tidak mendapat permit DBKL atau papan tanda dipaparkan tidak mengikut kelulusan permit diberikan.

Menurutnya, notis juga diberikan dalam tempoh munasabah kepada pemilik premis untuk mengambil tindakan sebelum penguatkuasaan dibuat.

"DBKL melalui Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menetapkan bahawa penggunaan bahasa kebangsaan perlu diutamakan pada papan tanda premis.

"Huruf-huruf dan perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah diberi keutamaan dan hendaklah dari saiz yang lebih besar daripada huruf-huruf atau tulisan perkataan dalam bahasa lain," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas laporan muka depan Harian Metro umpama di bumi asing selepas Jalan Silang dan Lebuhraya Pudu yang terkenal dengan jolokan 'Mini Dhaka', jelas kelihatan tulisan Nepal, Bangladesh dan sebagainya di restoran, kedai gunting rambut, kedai tukaran mata wang serta pelbagai premis lain.

Zaliha berkata, Malaysia mengamalkan prinsip *rule of law* di mana undang-undang dan peraturan yang



ANTARA premis yang menggunakan bahasa asing di Jalan Silang.

PAPAN TANDA PREMIS GUNA BAHASA ASING

Tindakan tegas kalau tak tukar!

DBKL keluar 264 notis ke atas 36 premis tahun ini

dikuatkuasa adalah untuk memastikan keadilan serta keharmonian dalam masyarakat terjalin.

"Justeru, semua pihak tanpa mengira latar belakang perlu untuk mematuhi undang-undang dan peraturan berkenaan," katanya.

"Papan tanda juga perlu mendapatkan pengesahan visual daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu sebagai dokumen wajib untuk permohonan kelulusan DBKL.

"Tindakan penguatkuasaan oleh pihak DBKL ini adalah dalam pengetahuan saya selaku Menteri yang ber-

tanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, keputusan ini turut konsisten dengan pendekatan yang diambil sejak isu Jalan Silang sebagai Mini Dhaka berbangkit lagi.

"Penguatkuasaan dilakukan bukan atas desakan mana-mana pihak atau individu, tetapi atas dasar memastikan peraturan yang berkuatkuasa dipatuhi.

"Oleh itu, saya menyeru semua pihak, termasuk ahli politik, agar menghentikan polemik ini. Kita mempunyai banyak agenda penting untuk diberi perhatian, dan bermain dengan sentimen perkauman seperti ini hanya akan mewujudkan polarisasi yang memecahbelahkan rakyat sahaja," katanya.

Muka depan Harian Metro semalam melaporkan umpama di bumi asing selepas Jalan Si-

lang dan Lebuhraya Pudu yang terkenal dengan jolokan 'Mini Dhaka', jelas kelihatan tulisan Nepal, Bangladesh dan sebagainya di restoran, kedai gunting rambut, kedai tukaran mata wang serta pelbagai premis lain.

Di sepanjang kawasan berkenaan, orang tempatan seolah-olah berada di negara asing dan bukan Malaysia memandangkan bahasa Melayu seakan-akan terpinggir dan jika ada ia hanya bersaiz kecil.

Tinjauan di kawasan itu dan beberapa kawasan lain sekitar ibu kota menunjukkan, masih banyak papan tanda, banting dan iklan promosi produk berkaitan ditulis dalam bahasa negara masing-masing.

Kebanyakan warga Bangladesh dan Nepal yang bekerja di situ dan membuka perniagaan kedai runcit, kedai jual daging, alat telekomunikasi dan restoran lebih mengutamakan bahasa mereka sendiri malah semuanya dipercayai dipasang tanpa kebenaran DBKL.



“
Semua pihak
tanpa mengira
latar belakang
perlu patuhi
undang-undang
Zaliha